

Publication : **Kosmo**
Date : 15 March 2017
Section : Niaga
Page : 52
Headline : Hua yang terima CCC bagi tiga projek hartanah
PR Value : 5,243.03

Hua Yang terima CCC bagi tiga projek hartanah

KUALA LUMPUR – Hua Yang Bhd. (Hua Yang) menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi tiga projek kediamannya di Lembah Klang dan Bandar Universiti Seri Iskandar (BUSI), Perak.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Wen Yan berkata, ia terdiri daripada projek bandar utama kumpulan, pangsapuri khidmat Sentrío Suites di Desa Pandan dan Residensi Flora @ One South serta projek rumah teres dua tingkat, Lavender 2 di BUSI.

“Ketiga-tiga projek ini telah habis dijual sepenuhnya dalam masa yang singkat dan ini membuktikan permintaan yang kukuh serta minat terhadap segmen kediaman mampu milik,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Wen Yan berkata, Lembah Klang dan Perak kekal sebagai kawasan pembangunan utama syarikat dan akan terus memberi sumbangan positif kepada perolehan kumpulan.

“Pada suku ketiga tahun kewangan 2017, projek-projek di Lembah Klang menjadi penyumbang perolehan terbesar kepada kumpulan dengan sumbangan sebanyak 45 peratus, manakala pembangunan di Perak pula menyumbang sebanyak 21 peratus,” ujarnya.

Projek Sentrío Suites setinggi 40 tingkat merangkumi sejumlah 327 unit pangsapuri dengan harga bermula daripada RM485,400, manakala Residensi Flora @ One South mengandungi 194 unit dalam kawasan pembangunan One South yang dijual pada harga RM582,600 ke atas.

Kedua-dua projek tersebut mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) masing-masing berjumlah RM231 juta dan RM104 juta.

Sementara itu, Lavender 2 pula melibatkan sejumlah 281 unit rumah teres dua tingkat berharga RM244,800 ke atas dengan GDV bernilai RM74 juta.